



**Pejabat Bendahari
Universiti Teknologi Malaysia**

**Panduan Pembayaran
Melalui**



**Unit Kewangan Pelajar
Pejabat Bendahari
UTM, Skudai.
Tel:07-5530152
Fax:07-5530073**

Email :channel-e@utm.my

**Panduan Pembayaran Yuran
Melalui Kemudahan Channel-E
BCBB**

1. APAKAH KEMUDAHAN Channel-E ?

Satu perkhidmatan perbankan peribadi melalui internet yang disediakan oleh Bank Bumiputra Commerce Bhd.,

2. APAKAH FAEDAHNYA ?

- a. Urusan niaga dapat dilakukan dalam keadaan selesa.
- b. Tidak perlu pergi ke Pejabat Bendahari.
- c. Tidak perlu pergi ke bank.
- d. Tidak perlu beratur di Kaunter Pejabat Bendahari.
- e. Tidak perlu beratur di bank.
- f. Tidak perlu mengeluarkan wang dari akaun anda.
- g. Urusniaga boleh dilakukan selepas waktu Pejabat.
- h. Tidak ada caj tambahan kerana caj akan ditanggung oleh pihak Universiti.
- i. Pembayaran akan dikemaskini di dalam sistem dalam masa tidak lebih dari 5 hari bekerja daripada tarikh pembayaran anda.
- j. Sebarang kemusykilan, sila hubungi Pejabat Bendahari 07-5530152, 07-5530087, 07-5530179, 075530116, 075530117, 075530118, 075530215 atau email:channel-e@utm.my.

BAGAIMANA MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN Channel-e

Ikuti langkah berikut :-

LANGKAH 1 : Mendapatkan nombor pin Channel-e (e-Pin)

- a. Jika anda belum mempunyai akaun di Bank Bumiputra Commerce Bhd, sila buka akaun dan dapatkan kad ATM anda.
- b. Dapatkan nombor pin Channel-e (e-Pin) dimana-mana ATM BCBB seperti langkah berikut :-
 - i. Masukkan kad ke dalam mesin ATM seperti urusan biasa.
 - ii. Dari senarai urusan niaga pilih menu `LAIN-LAIN`
 - iii. Kemudian pilih `Channel-e` yang tertera di skrin.
 - iv. Masukkan (daftarkan) **6 digit** nombor pilihan anda untuk PIN Channel-e (Nombor ini mestilah berbeza dari nombor PIN ATM anda).
 - v. Masukkan nombor ini sekali lagi sebagai pengesahan (Nombor ini mestilah berbeza dari nombor PIN ATM anda).
 - vi. Masukkan nombor telefon bimbit anda (10 digit)

LANGKAH 2 : Mendapatkan Pengenalan Diri Channel-e (Channel-e ID)

1. Layari laman web BCB: www.channel-e.com.my
2. Tekan butang "First Time Registration"
3. Masukkan **no kad ATM (BBCB) dan nombor e-Pin** (Channel-e) yang anda masukkan (daftarkan) di mesin ATM.
4. Cipta Nombor/Perkataan Pengenalan Diri Channel-e (**Channel-e ID**) anda untuk mendaftar (Tidak kurang daripada 6 digit/huruf).
5. Lengkapkan butir yang diperlukan dalam borang di skrin dan tekan butang "Submit" yang terdapat dibawah halaman tersebut.
6. Jika ada kod error sila telefon Pusat Panggilan BCBB 1 300 880 900 untuk mendapatkan penjelasan.
7. Kini anda sudah diterima sebagai pengguna channel-e. **Nombor E-Pin dan Channel-e ID perlulah diingat** untuk membuat transaksi bayaran yuran

Membuat Pembayaran Yuran Melalui Channel-e

Pastikan anda telah mendaftar di Channel-e serta mempunyai Channel-e ID dan No E-Pin :

LANGKAH-LANGKAH SETERUSNYA ;

1. Layari laman web :
www.channel-e.com.my
2. Tekan butang “ **Login** ” masukkan “*Channel-e ID*” dan nombor “*E-pin*” anda, kemudian tekan butang “Submit”.
3. Untuk mendaftarkan pembayaran baru:
 - **Sekiranya anda telah mendaftarkan penerima bayaran anda, sila terus ke arahan 4 untuk pembayaran.**
 - **Sekiranya belum didaftarkan, sila teruskan**

Pilih butang “**Pay Bills & Others**” (disebelah kiri skrin):

- i. Tekan butang “**Add New Bills**” (disebelah kiri skrin):

di ruangan **Payee Name**

.....

(Pilih – **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**)

di ruangan **Bill Nickname** :.....(dicadangkan taip **UTM**)

di ruangan **Bill Account Number** :.....

(taipkan no. matrik)

- ii. Tekan butang “**Submit**”
- iii. Kini UTM telah didaftarkan di dalam senarai pembayaran anda.

4. Untuk membuat pembayaran :-

Pilih butang "**Pay Bills & Others**" (di sebelah kiri) :

Di ruangan **Select Payment From** :

Pilih nombor akaun bank anda

Di ruangan **Payment To** :

Pilih UTM atau Payee Nickname yang telah diisi di ruangan Bill Payment tadi.

Di ruangan **RM** :.....

Masukkan jumlah Yuran yang ingin dibayar.

- i.** Kemudian tekan butang "**Submit**"
- ii.** Masukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.

5. Pilih butang "**Logout**" untuk keluar dari transaksi (Disebelah kanan skrin)